



PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN KEJOHANAN OLAHRAGA

**Majlis Sukan Sekolah Daerah Langkawi
Kali Ke-38, Tahun 2026**

PERATURAN PERTANDINGAN

Peringatan kepada semua pasukan yang bertanding, sila patuhi peraturan-peraturan yang terdapat di dalam peraturan pertandingan. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Pengerusi Teknik atau Pengarah Pertandingan.



SCAN QR
<https://lkw2026.snn2u.com/>

Dikemaskini oleh
**AJK PERTANDINGAN
SMK KEDAWANG**

25 JUN 2026

ISI KANDUNGAN

1	UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN	2
2	ACARA-ACARA DAN UKURAN SERTA TIMBANAGAN ALAT-ALAT PERTANDINGAN	2
3	HADIAH-HADIAH	5
4	ACARA PERTANDINGAN	5
5	KELAYAKAN PESERTA	6
6	PENDAFTARAN PESERTA-PESERTA	6
7	PENARIKAN DIRI DAN PENGGANTIAN	7
8	MELAPORKAN DIRI PESERTA	7
9	PROSEDUR MASUK DAN KELUAR ARENA PERTANDINGAN	8
10	ACARA BALAPAN (KATEGORI LARI PECUT)	8
11	UKURAN TINGGI PERMULAAN	9
12	PAKU KASUT (SPIKES) DAN PERALATAN	9
13	PAPAN LONJAKAN ACARA LOMPAT KIJANG	9
14	ACARA PADANG (LONTAR PELURU)	9
15	PENENTUAN KE PERINGKAT AKHIR	10
16	BANTAHAN	11
17	HURUF / NOMBOR PESERTA	11
18	PENETUAN JOHAN	13
19	HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA	14
20	HAL-HAL LAIN	14



1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

- 1.1. Kejohanan ini dijalankan mengikut undang-undang Olahraga Dunia (WA), undang-undang Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM). Peraturan-peraturan Am Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan Peraturan-Peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Negeri Kedah (MSSK), dan Peraturan-Peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Daerah Langkawi (MSSD).

2. ACARA-ACARA DAN UKURAN SERTA TIMBANGAN ALAT-ALAT PERTANDINGAN

KOD ACARA	ACARA	LELAKI					PEREMPUAN				
		18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	10 TKB	18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	10 TKB
01	100M	X	X		X	X	X	X		X	X
02	200M	X	X		X		X	X		X	
03	400M	X	X	X			X	X	X		
04	800M	X	X				X	X			
05	1000M TERBUKA				X					X	
06	1500M	X	X	X			X	X	X		
07	3000M TERBUKA	X					X				
08	2000M JALAN KAKI TERBUKA				X					X	
09	3000M JALAN KAKI							X			
10	5000M JALAN KAKI		X				X				
11	10000M JALAN KAKI	X									
12	80M LARI BERPAGAR				X 0.762M					X 0.762M	
13	100M LARI BERPAGAR						X 0.762M	X 0.762M			



**PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN OLAHRAGA MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH LANGKAWI
KALI KE- 38, TAHUN 2026**



KOD ACARA	ACARA	LELAKI					PEREMPUAN				
		18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	10 TKB	18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	10 TKB
14	110M LARI BERPAGAR	X 0.914M	X 0.838M								
15	200M LARI BERPAGAR		X 0.838M					X 0.762M			
16	400M LARI BERPAGAR	X 0.838M					X 0.762M				
17	4 X 100M	X	X				X	X			
18	4 X 100M TERBUKA				X					X	
19	4 X 200M				X					X	
20	4 X 400M	X	X				X	X			
21	LOMPAT TINGGI	X 1.5M	X 1.4M		X 1.2M	X 1.0M	X 1.5M	X 1.10M		X 1.1M	X 0.9M
22	LOMPAT JAUH	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
23	LOMPAT KIJANG	X	X				X	X			
24	MELONTAR PELURU	X 5KG	X 4KG		X 2.72KG	X 2KG	X 3KG	X 3KG		X 2.72KG	X 2KG
25	MELEMPAR CAKERA	X 1.5KG	X 1KG	X 1KG			X 1KG	X 1KG	X 1KG		
26	MEREJAM LEMBING	X 700G	X 600G				X 500G	X 500G			

2.1 . Acara 80 meter Lari Berpagar

KATEGORI	BIL. PAGAR	TINGGI PAGAR	PAGAR PERTAMA DARI JARAK PERMULAAN	JARAK PAGAR	PAGAR AKHIR KE PENAMAT
12TKB LELAKI	8	0.762M	12M	8M	12M
12TKB PEREMPUAN	8	0.762M	12M	8M	12M

2.1. Acara 200 meter Lari Berpagar

KATEGORI	BIL. PAGAR	TINGGI PAGAR	JARAK PAGAR	PAGAR AKHIR KE PENAMAT
15TKB LELAKI	5	0.838M	20M	40M
15TKB PEREMPUAN	5	0.762M	20M	40M

2.2. Acara 4 x 100 meter

- 2.2.1. Kotak penerimaan baton adalah 30 meter. Bermula dari 'zon advantage' pelari hendaklah menunggu dalam kotak penerimaan baton dan boleh menerima baton dimana-mana kawasan dalam zon tersebut.

2.3. Acara 4 x 100 meter Terbuka Rendah

- 2.3.1. Bagi acara ini, terbuka untuk peserta bawah 12 dan 10 tahun. Setiap sekolah rendah dibenarkan menghantar **satu pasukan** sahaja yang terdiri daripada peserta **bawah 12 tahun sahaja** atau **bawah 10 tahun sahaja** atau **campuran kedua-dua kategori umur tersebut**.

2.4. Acara 4 x 200 meter

- 2.4.1. Pelari pertama akan menggunakan lorong akan mula di garisan 1½ stagger seperti pelari pertama dalam acara 4 x 400 meter.
- 2.4.2. Pelari kedua akan bersedia di garisan 1 stagger.
- 2.4.3. Pelari ketiga akan bersedia di garisan ½ stagger. Selepas menerima baton dari pelari kedua, pelari ketiga mesti berlari di lorong masing-masing sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya memotong masuk ke lorong pertama.
- 2.4.4. Pelari akhir akan bersedia di tempat penerima baton mengikut kedudukan pelari yang datang dan menerima dengan syarat tidak menghalang dan menolak peserta lain.

3. HADIAH-HADIAH

- 3.1. Acara individu hingga 1500m – Pertama, Kedua dan Ketiga
- 3.2. Acara individu 2000m dan jarak lebih daripadanya – Pertama, Kedua, Ketiga Keempat dan Kelima.
- 3.3. Acara berpasukan – Empat pingat kepada pasukan yang mendapat tempat Pertama, Kedua dan Ketiga.

4. ACARA PERTANDINGAN

- 4.1. Setiap sekolah menengah hanya dibenarkan menghantar **dua (2)** orang peserta bagi acara individu iaitu bagi acara balapan dan padang, manakala bagi sekolah rendah, setiap pasukan hanya dibenarkan menghantar **dua (2)** orang bagi acara balapan dan **seorang (1)** peserta bagi acara padang. Bagi acara lari berganti-ganti, setiap pasukan sekolah menengah dan sekolah rendah hanya dibenarkan menghantar **satu (1)** pasukan sahaja. **Bagi acara 10 tahun ke bawah, dibenarkan untuk menghantar SEORANG PESERTA sahaja untuk satu acara.**

- 4.2. Bilangan maksimum penyertaan bagi seorang peserta adalah seperti berikut:

KUMPULAN UMUR	INDIVIDU	LARI BERGANTI-GANTI
18 TAHUN DAN KE BAWAH	3 (TERMASUK ACARA TERBUKA)	2
15 TAHUN DAN KE BAWAH	3 (TERMASUK ACARA TERBUKA)	2
13 TAHUN DAN KE BAWAH	3 (TERMASUK ACARA TERBUKA)	2
12 TAHUN DAN KE BAWAH	2 (TERMASUK ACARA TERBUKA)	2
10 TAHUN DAN KE BAWAH	1 (TERMASUK ACARA TERBUKA)	1

- 4.3. Setiap pasukan sekolah menengah dibenarkan menghantar tidak lebih 3 orang peserta bagi acara terbuka dan sekolah rendah dibenarkan menghantar seorang (1) peserta bagi acara terbuka.
- 4.4. Bagi kumpulan umur 13 tahun ke bawah, peserta dibenarkan mengambil bahagian dibawah kumpulan umur 15 tahun ke bawah dengan syarat tiada pertindihan acara bagi acara-acara yang dipertandingkan dibawah kategori umur 13 tahun ke bawah iaitu 400m, 1500m, lompat jauh dan melempar cakera. Peserta layak mengambil 3 acara individu termasuk acara terbuka individu dan 2 acara berpasukan.



**PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN OLAHRAGA MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH LANGKAWI
KALI KE- 38, TAHUN 2026**



5. KELAYAKAN PESERTA

- 5.1. Pelajar-pelajar yang bersekolah sepenuh masa di sekolah-sekolah rendah dan menengah serta sekolah swasta adalah layak untuk bertanding.
- 5.2. Pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia tidak layak menyertai semua pertandingan MSSM.
- 5.3. Peserta-peserta 18 tahun ke bawah dan 15 tahun ke bawah **WAJIB** membawa kad pengenalan asal atau setaraf sebagai bukti pengesahan rasmi. Surat akuan, surat sumpah **TIDAK AKAN DITERIMA** (Peraturan Am, Perkara 4).
- 5.4. Pelajar-pelajar yang menerima tawaran dan sedang belajar di Sekolah Sukan Negeri Kedah SAHAJA dibenarkan mewakili sekolah asal tempat ia bersekolah (sekolah terakhir) disertakan permohonan secara bertulis kepada Pengetua Sekolah Sukan Negeri dengan melalui **PPD Langkawi**.
- 5.5. Berdasarkan perkara 5.4, peserta dari Sekolah Sukan Malaysia adalah **TIDAK** dibenarkan.
- 5.6. Pelajar tingkatan 6 bawah yang menerima tawaran dan sedang belajar mengikut tarikh pendaftaran untuk belajar di mana-mana sekolah kerajaan yang dikeluarkan oleh Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja dibenarkan mewakili sekolah yang dia sedang belajar.
- 5.7. Bukti pengesahan penyertaan pelajar tingkatan 6 bawah bagi sekolah bantuan kerajaan atau **budi bicara ketua jabatan** adalah dengan mengemukakan salinan surat tawaran rasmi kemasukkan ke tingkatan 6 bawah mengikut tarikh pendaftaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah disahkan oleh Pengetua/Penolong Kanan sekolah berkenaan. Sebarang isu berbangkit berkaitan hal ini adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab ketua jabatan sekolah berkenaan **TANPA** melibatkan JK Pengelola Pertandingan.

6. PENDAFTARAN PESERTA-PESERTA

- 6.1. Pendaftaran peserta warga negara Malaysia hendaklah dibuat menggunakan Borang Penyertaan Rasmi yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola. Semua butiran hendaklah dilengkapi dan disahkan oleh Pengetua / Guru Besar / Penolong Kanan sekolah masing-masing. Borang yang telah lengkap (**senarai pegawai, senarai peserta, borang M01 / R01 dan borang deklarasi kesihatan**) hendaklah dihantar kepada:

Pengerusi Pertandingan,
Kejohanan Olahraga MSSD Langkawi ke-38, 2026
d/a Sekolah Menengah Kebangsaan Kedawang 07000
Langkawi, Kedah Darul Aman.
No. Tel : 04-9551145 / No. faks : 04-9555695



**PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN OLAHRAGA MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH LANGKAWI
KALI KE- 38, TAHUN 2026**



- 6.2. Tarikh tutup penyertaan adalah **01 Julai 2026** pada jam **2.00 petang**.
- 6.3. Peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam acara lari berganti-ganti juga mesti didaftarkan.
- 6.4. Penentuan umur peserta ialah pada **01 JANUARI 2026**.
- 6.5. Seseorang peserta dibenarkan menyertai pertandingan dalam satu kumpulan umur sahaja bagi satu jenis pertandingan dalam masa yang sama.
- 6.6. Peserta-peserta tidak dibenarkan menyertai pertandingan dalam kumpulan umur yang lebih tinggi daripada kumpulan umurnya jika pertandingan dijalankan serentak. Mana-mana pasukan yang menghantar tidak mengikut syarat yang ditetapkan, JK Pertandingan berhak menggugurkan penyertaan tanpa berbincang dengan pengurus setiap pasukan (tertakluk kepada budi bicara).

7. PENARIKAN DIRI DAN PENGgantian

7.1. Penarikan Diri Semasa Kejohanan

- 7.1.1. Jika didapati seorang peserta menarik diri tanpa sebab, atlet berkenaan **tidak dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya** yang didaftar atas namanya.
- 7.1.2. Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam **pusingan awal**, tanpa pengesahan sakit daripada Pegawai Perubatan adalah **dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya**.
- 7.1.3. Peserta yang tidak cedera dan layak memasuki ke pertandingan akhir tidak dibenarkan menarik diri. Sekiranya berlaku, penyertaan beliau dalam acara-acara selanjutnya akan dibatalkan. **Keputusan Pengurus Kejohanan adalah muktamad**.

7.2. Penggantian Dalam Acara Berganti-ganti

- 7.2.1. Penggantian dalam acara lari berganti-ganti dihadkan kepada 2 orang peserta yang didaftarkan dalam Borang Penyertaan Rasmi. Peraturan ini melibatkan pusingan awal hingga pusingan akhir.
- 7.2.2. Hanya peserta yang didaftarkan sahaja dibenarkan untuk pertukaran.

8. MELAPORKAN DIRI PESERTA

- 8.1. Semua peserta hendaklah melaporkan diri sekurang-kurangnya **30 minit** untuk acara balapan dan **45 minit** untuk acara padang sebelum acara berkenaan berlangsung.
- 8.2. Peserta yang lewat melaporkan diri, iaitu **15 minit** sebelum acara dimulakan tidak dibenarkan mengambil bahagian dan dianggap menarik diri.
- 8.3. Peserta hendaklah berpakaian kemas semasa melapor diri dan nombor mestilah disematkan dengan pin di setiap penjuru nombor berkenaan di baju pelari.

9. PROSEDUR MASUK DAN KELUAR ARENA PERTANDINGAN

- 9.1. Peserta-peserta dikehendaki berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan dengan diiringi oleh Penyelia Peserta.
- 9.2. Bagi acara balapan, peserta yang tamat larian dikehendaki berada di lorong masing-masing, berpusing ke belakang dan mengadap hakim-hakim. Berjalan semula ke tempat peserta tanpa memasuki ke kawasan arena pertandingan.

10. ACARA BALAPAN (KATEGORI LARI PECUT)

100 meter	80 meter Lari Berpagar
200 meter	100 meter Lari Berpagar
400 meter	110 meter Lari Berpagar
4 x 100 meter	200 meter Lari Berpagar
4 x 200 meter	400 meter Lari Berpagar
4 x 400 meter	

10.1. Penggunaan Blok Permulaan

- 10.1.1. Bagi acara balapan, penggunaan BLOK PERMULAAN adalah WAJIB bagi kategori 18L, 18P, 15L, dan 15P. Namun, kategori 12P dan 12L diberi kelonggaran sama ada menggunakan blok atau tidak menggunakan blok permulaan manakala bagi kategori 10L dan 10P tiada penggunaan blok permulaan.

10.2. *False Start*

- 10.2.1. Jika berlaku "**False Start**" semasa memulakan larian dan ia diisyaratkan dengan tembakan pistol dua kali dan larian dibatalkan. Semua peserta akan diberikan amaran. Peserta yang melakukan "**False Start**" akan diberi dua (2) peluang sahaja untuk memulakan semula larian dan mana-mana peserta akan hilang kelayakan jika melakukan "**False Start**" kali ke tiga (3).

10.3. Keseragaman pakaian

- 10.3.1. Adalah digalakkan bagi setiap pasukan dalam acara lari berganti-ganti untuk memakai pakaian yang seragam atau sama atau apa-apa yang boleh dikategorikan sebagai seragam untuk memudahkan setiap petugas di acara balapan mengenali pelari-pelari.



**PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN OLAHRAGA MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH LANGKAWI
KALI KE- 38, TAHUN 2026**



11. UKURAN TINGGI PERMULAAN

- 11.1. Bagi acara lompat tinggi ukuran tinggi permulaan adalah seperti berikut:

PERINGKAT UMUR	LELAKI	PEREMPUAN
18 Tahun	1.50 meter	1.15 meter
15 Tahun	1.40 meter	1.10 meter
12 Tahun	1.20 meter	1.10 meter
10 Tahun	1.00 meter	0.90 meter

12. PAKU KASUT (SPIKES) DAN PERALATAN

- 12.1. Paku kasut yang dibenarkan **tidak melebihi 6 mm dan 9 mm** untuk acara padang.
12.2. Blok permulaan serta segala peralatan akan disediakan oleh pihak jawatankuasa pengelola.

13. PAPAN LONJAKAN ACARA LOMPAT KIJANG

- 13.1. Jarak papan lonjakan dari kawasan mendarat bagi acara lompat kijang adalah seperti berikut:

PERINGKAT UMUR	LELAKI	PEREMPUAN
18 Tahun	11 / 9 meter	9 / 7 meter
15 Tahun	11 / 9 meter	9 / 7 meter

14. ACARA PADANG (LONTAR PELURU SEKOLAH RENDAH)

- 14.1. Bagi acara ini, setiap peserta akan membuat lontaran pertama dalam pusingan pertama.
14.2. Daripada semua lontaran pertama peserta dalam pusingan pertama, ukuran jarak lontaran **tempat ke-10 yang terbaik** akan diambil sebagai **mark (tanda jarak lontaran)** bagi lontaran ke-2 dan ke-3 dalam pusingan pertama. Sekiranya lontaran ke-2 Dan ke-3 **TIDAK** melepasi **mark** yang ditanda (jarak lontaran **tempat ke-10 yang terbaik pusingan pertama**) MAKA catatan jarak TIDAK akan diukur.

15. PENENTUAN KE PERINGKAT AKHIR

- 15.1. Lima (5) Separuh Akhir
Pemenang setiap separuh akhir dan tiga (3) peserta yang mencatat **masa terbaik** akan layak ke akhir.
- 15.2. Empat (4) Separuh Akhir
Pemenang setiap separuh akhir dan empat (4) peserta yang mencatat **masa terbaik** akan layak ke akhir.
- 15.3. Tiga (3) Separuh Akhir
Dua (2) peserta pemenang setiap separuh akhir dan dua (2) peserta yang mencatat **masa terbaik** layak ke akhir.
- 15.4. Dua (2) Separuh Akhir
Tiga (3) peserta pemenang bagi setiap separuh akhir dan dua (2) peserta yang mencatat **masa terbaik** layak ke akhir.
- 15.5. Sekiranya terdapat peserta yang mencatatkan **masa terbaik** lebih daripada bilangan yang dihadkan, maka penentuan kelayakan akan bergantung kepada **kedudukan peserta**. Jika berlaku seri cabutan undi akan dilakukan oleh Juri Rayuan.
- 15.6. Semua pengundian lorong untuk acara akhir semasa kejohanan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Pertandingan dengan pengawasan Juri Rayuan.
- 15.7. Bagi acara padang (kecuali Lompat Tinggi) sekiranya terdapat lebih 12 orang peserta yang bertanding, **tiga (3) percubaan** / giliran akan diberikan kepada semua peserta **dan lapan (8) peserta terbaik akan layak ke pusingan akhir**. Semua peserta akan diberikan **tiga (3) percubaan lagi**. Pemenang akan ditentukan berdasarkan catatan terbaik daripada keenam-enam percubaan tersebut.

16. BANTAHAN

- 16.1. Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut Peraturan 147 KOAM, kecuali:
- 16.1.1. Jika masalah tentang kelayakan seseorang peserta tidak dapat diselesaikan memuaskan sebelum pertandingan bermula, maka peserta boleh mengambil bahagian di bawah bantahan dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada **Juri Rayuan**.
- 16.1.2. Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta-merta dan tidak lewat daripada;
- **Lima belas minit (15)** setelah **keputusan rasmi** diumumkan bagi acara **pusingan awal**.
 - **Tiga puluh minit (30)** setelah **keputusan rasmi** diumumkan bagi acara **peringkat akhir**.
- 16.1.3. Sebarang bantahan **bertulis** kepada Juri Rayuan mesti disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus)** yang **tidak akan dipulangkan semula**.
- 16.1.4. Hanya rakaman video dari **petugas rasmi sahaja** boleh digunakan sebagai bahan bukti (eviden) dalam sebarang bantahan.

17. HURUF/NOMBOR PESERTA

- 17.1. Huruf dan nombor bagi setiap peserta adalah seperti berikut:
- 17.1.1. Sekolah Menengah

BIL	NAMA SEKOLAH	NOMBOR
1	SMK MAHSURI	MA 001 - MA 099
2	SMK TUNKU PUTRA	MB 100 - MB 199
3	SMK KEDAWANG	MC 200 - MC 299
4	SMK AYER HANGAT	MD 300 - MD 399
5	KOLEJ VOKSIONAL	ME 400 - ME 499
6	MRSM LANGKAWI	MF 500 - MF 599
7	SMK LANGKAWI	MG 600 - MG 699
8	MAKTAB MAHMUD	MH 700 - MH 799
9	SMK KELIBANG	MK 900 - MK 999
10	SMA AL BAQIYATUSSOLIHAT	ML 800 - ML 899
11	PPKI MENENGAH	PK 800 - PK 899

17.1.2. Sekolah Rendah

BIL	NAMA SEKOLAH	NOMBOR
1	SK BAYAS	RA 001 - RA 040
2	SK EWA	RB 041 - RB 080
3	SK KEDAWANG	RC 081 - RC 120
4	SK KELIBANG	RD 121 - RD 160
5	SK KILIM	RE 161 - RE 200
6	SK KUALA TERIANG	RF 201 - RF 240
7	SK LADANG SUNGAI RAYA	RG 241 - RG 280
8	SK LANGKAWI	RH 281 - RH 320
9	SK LUBUK CEMPEDAK	RJ 321 - RJ 360
10	SK NYIOR CHABANG	RK 361 - RK 400
11	SK PADANG MAT SIRAT	RL 401 - RL 440
12	SK PENGHULU AHMAD	RM 441 - RM 480
13	SK PULAU TUBA	RN 481 - RN 520
14	SK SELAT BAGAN NYIOR	RP 521 - RP 560
15	SK SERI NEGERI	RQ 561 - RQ 600
16	SK TEMONYONG	RR 601 - RR 640
17	SK ULU MELAKA	RS 641 - RS 680
18	SRJK (C) CHUNG HWA	RT 681 - RT 720
19	SRJK (C) MIN NAM	RU 721 - RU 760
20	SRJK (T) LADANG SUNGAI RAYA	RV 761 - RV 800
21	SK SUNGAI MENGHULU	RW 801 - RW 840
22	SR ISLAM DARUL ULUM	RX 841 - RX 880
23	PK RENDAH	PR 881 - PR 920
24	SR ISLAM AL KHAIRIE	RY 881 - RY 920

- 17.2. Setiap pasukan hendaklah menyediakan nombor masing-masing. Setiap kain berukuran 15 cm x 25 cm.
- 17.3. Semua warna kain ialah **warna putih**. Bagi sekolah menengah abjad warna **merah**, nombor warna **biru**. Manakala bagi sekolah rendah pula abjad warna **hitam** nombor warna **merah**.

18. PENENTUAN JOHAN

18.1. Hadiah peserta terbaik adalah seperti berikut:

- 18.1.1. Peserta Terbaik 18 Tahun Lelaki dan Peserta terbaik 18 Tahun Perempuan.
- 18.1.2. Peserta Terbaik 15 Tahun Lelaki dan Peserta Terbaik 15 Tahun Perempuan.
- 18.1.3. Peserta Terbaik 12 Tahun Lelaki dan Peserta Terbaik 12 Tahun Perempuan.
- 18.1.4. Peserta Terbaik 10 Tahun Lelaki dan Peserta Terbaik 10 Tahun Perempuan.
- 18.1.5. Olahragawan dan Olahragawati harapan (sekolah rendah).
- 18.1.6. Olahragawan dan Olahragawati.

18.2. Penentuan pemenang pada 17.1 adalah seperti berikut :

- 18.2.1. Hadiah Peserta Terbaik akan dipilih berdasarkan pencapaian individu dalam jumlah pungen pingat emas, pingat perak dan pingat gangsa disamping pemecah rekod dan mencatat rekod baru MSSD, MSSK atau MSSM (ikut ranking kejohanan) dan **jumlah rekod yang diperbaharui diperingkat akhir sahaja di ambil kira**. Sekiranya kedudukan sama, usia suatu rekod turut diambil kira.
- 18.2.2. Sekiranya jumlah dan usia rekod sama atau tiada rekod dicatatkan di peringkat akhir, jumlah pungen pingat emas, pingat perak dan pingat gangsa dalam acara individu akan diambil kira.
- 18.2.3. Sekiranya pungen pingat emas masih sama, pungen pingat perak dan pingat gangsa dalam acara individu akan diambil kira. Sekiranya kedudukan masih sama pungen pingat individu atau rekod individu di peringkat saringan akan di ambil kira.
- 18.2.4. Sekiranya masih sama, pungen pingat dalam acara berpasukan akan diambil kira.
- 18.2.5. Sekiranya kedudukan masih sama, maka keputusan akan dibuat berdasarkan Jadual Mengira Mata WA bagi pencapaian terbaik acara tertentu setiap peserta.



**PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN OLAHRAGA MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH LANGKAWI
KALI KE- 38, TAHUN 2026**



18.3. Olahragawan dan Olahragawati

18.3.1. Anugerah ini diberikan kepada peserta terbaik keseluruhan (seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan).

18.4. Johan Keseluruhan

18.4.1. Johan Keseluruhan Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah akan ditentukan dengan jumlah pungutan pingat emas, pingat perak dan pingat gangsa yang dimenangi dalam semua kategori.

19. HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 19.1. Semua acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik berhak meminda susunan acara jika perlu. Jika berlaku pindaan pengurus pasukan akan dimaklumkan.
- 19.2. Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak dicatat dalam Undang-Undang KOAM, Peraturan Am MSSM atau Peraturan-Peraturan Pertandingan, Kejohanan Olahraga MSSD Langkawi. Semua keputusan adalah muktamad.

20. HAL-HAL LAIN

- 20.1. Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta dan pegawai-pegawai. Orang yang tidak berkenaan dilarang masuk ke tempat-tempat khas tersebut.
- 20.2. Selain daripada Pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, tiada sesiapa pun dibenarkan masuk ke arena pertandingan kecuali dengan kebenaran Pengurus Kejohanan.
- 20.3. Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab diatas sebarang kemalangan, kecederaan, kecacatan dan kematian semasa kejohanan dilangsungkan.
- 20.4. Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab di atas kehilangan barang-barang kepunyaan peserta-peserta dan pegawai-pegawai semasa kejohanan dijalankan.
- 20.5. Taklimat pengurus pasukan akan diadakan pada ketetapan berikut:-

Tarikh : 1hb Julai 2026 (Rabu)
Masa : 2.00 Petang
Tempat : Grandstand Stadium LADA

Jawatankuasa Pertandingan, Kejohanan Olahraga,
Majlis Sukan Sekolah Daerah Langkawi,
Kali ke-38 Tahun 2026



**PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN OLAHRAGA MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH LANGKAWI
KALI KE- 38, TAHUN 2026**

